



IKAN jelawat putih yang masih dibela sebagai induk di FRI Glami Lemi Jelebu. - Gambar NSTP/ABNOR HAMIZAM ABD MANAP

# MENU EKSOOTIK HARGA KAYANGAN

Ada spesies 'ikan darat' sukar ditemui akibat ancaman kepupusan cecah harga ribuan ringgit sekilogram

Oleh Abnor Hamizam  
Abd Manap  
am@hmetro.com.my

HM 05/08/23 mls 2  
Jelebu

Biar pun ada segelintir individu yang tidak berselera memakan 'ikan darat' atau dikategorikan ikan air tawar, namun hakikatnya harga pasaran spesies tertentu ikan air tawar ini terus melambung tidak masuk akal.

Ada yang menyifatkannya ikan kayangan apabila harga beberapa spesies sukar ditemui boleh menjangkau sehingga ribuan ringgit sekilogram apatah lagi selepas dimasak sebagai hidangan eksotik mewah.

Spesies ikan air tawar yang hidup meliar dalam sungai utama di negara ini semakin meningkat harganya susulan pelbagai faktor antaranya isu kepupusan dan kesukaran memperoleh bekalan daripada nelayan darat.

Pegawai Penyelidik Kanan Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Air Tawar Glami Lemi, Muhamad Zudaidy Japar berkata, ikan air tawar seperti kelah merah, empu-

## HARGA SEMASA SPESIES IKAN AIR TAWAR 'KAYANGAN' DI MALAYSIA (SEKILOGRAM)

1 Ikan Empurau Sarawak  
RM500 hingga RM1,000



2 Ikan Kelah Merah	RM600
3 Ikan Kelah Putih	RM330
4 Ikan Patin Buah	RM150 sehingga RM300
5 Ikan Patin Muncung	RM280 sehingga RM350
6 Ikan ketutu	RM 100 sehingga RM 200
7 Ikan Jelawat	sehingga RM500
8 Ikan Temoleh	RM80 sehingga RM120
9 Ikan Krai	RM80 sehingga RM100
10 Ikan Tengalan	RM 80 sehingga RM100
11 Ikan Baung	RM50 sehingga RM80
12 Ikan Lampan	RM30 sehingga RM40
13 Ikan Sebarau	RM40 sehingga RM50
14 Ikan Gohok	RM45 sehingga RM 65
15 Ikan Semah	RM250 hingga RM300



Muhamad Zudaidy

rau atau kelah Sarawak, temoleh, krai, tengalan, ketutu dan baung tempatan antara ikan air tawar yang boleh menyebabkan penggemarnya perlu melihat isi dompet sebelum membelinya.

Malah menurutnya, spesies ikan liar seperti patin muncung, patin buah dan jelawat putih Sungai Pahang antara yang kian sukar diperolehi menyebabkan harganya turut mencecah ratusan ringgit bagi setiap kilogram.

"Tidak hairanlah media sebelum ini kerap melaporkan rungutan pelanggan restoran yang terkejut dan perlu membayar ribuan ringgit selepas menjamu selera di ke-



Tidak hairanlah media sebelum ini kerap melaporkan rungutan pelanggan restoran yang terkejut dan perlu membayar ribuan ringgit selepas menjamu selera"

sebagai makanan mewah dan eksklusif berdasarkan kesukaran diperolehi, keunikan rasa dan spesies.

"Seperti ikan ketutu yang mempunyai fizikal hodoh, namun ikan ini dijual antara RM100 hingga RM200 sekilogram di pasaran kerana ada peminat tersendiri.

"Harga ikan kelah pula boleh mencecah sehingga RM750 sekilogram, patin muncung boleh menjangkau RM300 sekilogram manakala temoleh, krai dan tengalan dianggarkan berharga RM50 sehingga RM200 sekilogram," katanya dalam satu kenyataan.

dai menjual masakan ikan air tawar ini," katanya.

Katanya, hidangan ikan air tawar liar dikategorikan



IKAN krai yang mempunyai harga yang tinggi di pasaran.